KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	23/10/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

Beruang berkeliaran gemparkan penduduk

BH 23 Okt 2021_24

Temerloh: Orang ramai di sekitar Kampung Paya Pulai termasuk Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) di sini, digemparkan dengan kehadiran seekor beruang yang dipercayai sesat sejak malam Rabu lalu.

Rakaman video orang awam menunjukkan beruang berkenaan berkeliaran di kawasan hospital dan berhampiran Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seberang Temerloh.

Ia dilihat melarikan diri daripada orang ramai dan tidak cuba menyerang atau mencederakan sesiapa.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang, Rozidan Md Yasin berkata, pihaknya berjaya menangkap beruang berkenaan kira-kira 12.30 tengah hari kelmarin.

"Operasi dilakukan kakitangan PERHILITAN Temerloh dengan kerjasama penduduk kampung.

"Beruang betina seberat 60 kilogram berusia antara dua hingga tiga tahun itu dibawa ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Jenderak Selatan di sini bagi rawatan dan pemantauan," katanya di sini, semalam.

Rozidan berkata, pemantauan dan pemeriksaan mendapati beruang berkenaan sihat dan tiada tanda kecederaan baharu atau lama.

Katanya, beruang betina itu dipercayai tersesat, berkemungkinan keluar dari kawasan hutan untuk mencari makan.



Kakitangan PERHILITAN berjaya menangkap beruang betina yang ditemui berkeliaran di Kampung Paya Pulai. (Foto ihsan PERHILITAN)